

# UMS, North Borneo hasilkan telemovie *Selamat Pagi Cikgu*

UM 6-8-2014

KOTA KINABALU 5 Ogos - Universiti Malaysia Sabah (UMS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat produksi tempatan iaitu North Borneo Media Sdn. Bhd. (North Borneo) bagi menjayakan sebuah telemovie bertajuk *Selamat Pagi Cikgu*.

Selain penerbitan animasi yang sedang dilakukan oleh kedua-dua pihak, telemovie yang dihasilkan untuk siaran Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) itu merupakan hasil penerbitan bersama selepas penghasilan dokumentari penyelidikan bertajuk *Sunduk Omadal* pada 2012.

Pengurus North Borneo yang juga pengurus produksi penerbitan tersebut, Alinah Osman berkata, penerbitan telemovie dan dokumentari itu memberi faedah kepada kedua-dua pihak, selain peluang penuntut UMS melibatkan diri dalam produksi sebenar yang diuruskan secara profesional melalui gabungan kepakaran.

Menurut beliau, kebanyakan tenaga produksi dan para pelakon telemovie tersebut terdiri daripada kakitangan serta penuntut UMS daripada program Seni Kreatif dan Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW).

"Melalui produksi telemovie ini, kami hanya menggunakan beberapa orang tenaga mahir dan berpengalaman sahaja dengan kebanyakan tenaga produksi lain seperti kru serta pelakon adalah dalam kalangan penuntut dan kakitangan UMS," katanya dalam kenyataan di sini, baru-baru ini.

*Selamat Pagi Cikgu* diarahkan Azeli Mohamad, mengisahkan seorang guru lepasan ijazah yang terpaksa memilih kerjaya guru kerana tidak mendapat peluang pekerjaan lain dan dihantar bertugas di sebuah kawasan luar bandar di Sabah.


Namun selepas mengajar beberapa bulan, dia akhirnya tertarik dengan kehidupan di kampung dan masyarakat setempat sehingga menimbulkan azam untuk menjadi guru cemerlang.

Idea asal cerita dihasilkan penyarah FKSU, Dr. Zairul Anuar Md. Dawam dan skrip ditulis bekas kakitangan akademik FKSU, Prof. Madya Dr. Rohani Yousoff.

Sementara itu, Zairul Anuar ketika dihubungi berkata, penglibatan para pelajar dalam sesebuah produksi yang diuruskan secara bersama serta profesional antara UMS dengan North Borneo itu bertujuan mendedahkan penuntut FKSU dengan aspek produksi sebenar.

Katanya, melalui penglibatan bersama itu, memberi panduan dan manfaat kepada penuntut untuk menghasilkan video atau filem berkualiti bagi projek-projek mahupun kursus pengajian yang diikuti mereka, sekali gus menanamkan minat dalam industri kreatif selepas menamatkan pengajian kelak.

"Berdasarkan maklum balas diterima, saya mendapati penuntut fakulti ini semakin aktif serta bersemangat untuk menghasilkan projek video atau filem pendek melalui beberapa kursus yang ditawarkan," tambahnya.



ANTARA babak yang dirakamkan dalam telemovie *Selamat Pagi Cikgu*.